




TRADISI

# Keunikan Tarian Magunatip di Sabah

Oleh Rashid Ating • 29 Julai 2023, 10:08

A+ A- A🗿

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram**Langgan Sekarang 

**T**arian Magunatip, atau dikenali sebagai *bamboo dance*, merupakan sejenis tarian tradisi yang ditarikan oleh masyarakat MurutKuhijau (Kwijau) yang tinggal bahagian pedalaman Sabah, khususnya di daerah Tenom, Pensiangan dan Keningau. Perkataan *atip* bermaksud menekan antara dua permukaan, merujuk kepada buluh yang digunakan sebagai instrumen utama tarian ini. *Atip* juga bermaksud jepit.

Suku kaum Murut di Sabah mempunyai lebih 20 sub-etnik yang tinggal di daerah Tenom, Nabawan, dan Keningau. Oleh hal yang demikian, sudah pasti mereka mempunyai cara dan tarian yang berbeza mengikut sub-etnik masing-